

Salah guna dadah, lelaki didenda RM3,000 dan diawasi tiga tahun

KUCHING: Seorang lelaki warga emas dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau enam bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat menyalahgunakan dadah.

Wong Kin Ho, 57, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952.

Seksyen yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta sama itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, jika sabit

kesalahan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh yang tidak diwakili peguam itu, untuk menjalani pengawasan selama tiga tahun.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Padawan pada 13 Jun 2019 sekitar jam 12.55 tengah hari.

Dia disahkan positif Amphetamine dan Methamphetamine, yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin.